

24 NOV 1997

DR MAHATHIR TIBA UNTUK HADIRI SIDANG APEC DI VANCOUVER

VANCOUVER, 24 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pada hari Ahad untuk menghadiri persidangan tahunan yang kelima ketua-ketua kerajaan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Dr Mahathir yang ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di lapangan terbang Vancouver pada 11.26 pagi (3.26 pagi Isnin waktu Malaysia).

Persidangan kali ini dijangka membincangkan pelbagai isu berkaitan perdagangan termasuk meluluskan sembilan sektor barangan yang dicadangkan untuk liberalisasi mengikut program liberalisasi awal sektor secara sukarela yang diterima sebulat suara oleh mesyuarat menteri perdagangan APEC Jumaat lepas.

Ketua-ketua kerajaan dari kesemua 18 ekonomi APEC juga dijangka membincangkan masalah kewangan dan pasaran modal.

Sempena persidangan itu, Dr Mahathir bersama-sama ketua kerajaan Asean yang menganggotai APEC akan mengadakan perjumpaan ringkas waktu sarapan dengan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton.

Malam ini Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan dasar bertajuk "Kerajaan dan Swasta: Bekerjasama bagi Pembangunan Ekonomi" pada jamuan malam sempena persidangan ketua-ketua pegawai eksekutif APEC. -- BERNAMA
MFJ NMO